

Publication: Berita Harian (Page 5)

Date: 27 Aug 2012

Headline: SIT, UniSIM varsiti kelima dan keenam

## **MENARA GADING**

## SIT, UniSIM varsiti kelima dan keenam

RAKYAT Singapura yang berhasrat mendapatkan pendidikan universiti kini mempunyai pilihan lebih luas.

Ini kerana Institut Teknologi Singapura (SIT) dan Universiti SIM (UniSIM) masing-masing diumumkan sebagai universiti kelima dan keenam negara.

Empat universiti setempat lain ialah Universiti Teknologi dan Reka Bentuk Singapura (SUTD), Universiti Pengurusan Singapura (SMU), Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dan Universiti Nasional Singapura (NUS).

Dengan perubahan itu, sekitar 3,000 pelajar lagi akan diterima masuk ke universiti-universiti setempat menjelang 2020 – naik kepada 16,000 pelajar berbanding 13,000 pelajar yang diterima hari ini.

Ini bermakna 40 peratus daripada setiap kohort berpeluang melanjutkan pengajian ke universiti.

"SIT dan UniSIM masing-masing akan menjadi universiti kelima dan keenam di sini. SIT akan meluaskan tempat dan menganugerahkan ijazah di bawah jenama mereka sendiri.

"UniSIM pula akan menambah program sepenuh masa dan membangunkan hubungan kuat dengan industri, tetapi akan kekal sebagai universiti swasta.

"Dengan perubahan ini, jumlah kemasukan ke universiti sepenuh masa akan bertambah sebanyak 3,000 tempat lagi menjelang 2020 (16,000 tempat berbanding 13,000 hari ini).

"Ini akan membolehkan 40 peratus daripada setiap kohort berupaya mendapatkan pendidikan universiti (berbanding 27 peratus sekarang – termasuk lebih ramai pelajar politeknik," ujar Perdana Menteri, Encik Lee Hsien Loong, semalam.

Beliau berkata demikian dalam ucapan di Rapat Hari Kebangsaan malam tadi.

Menjelaskan lebih lanjut, Encik Lee berkata beliau memahami hasrat warga Singapura yang mempunyai aspirasi yang tinggi.

"Setiap pelajar mahu anak-anak mereka berjaya.

"Ramai pelajar Institut Pendidikan Teknikal (ITE) berharap dapat memasuki



**UNIVERSITI TERBARU:** Institut Teknologi Singapura (SIT) yang bekerjasama dengan Institut Teknologi DigiPen (Amerika Syarikat) (*gambar*) akan mula menawarkan ijazahnya sendiri selepas diumumkan universiti kelima Singapura. Sebuah lagi universiti ialah Universiti SIM (UniSIM). — **Foto MICA** 

politeknik dan ramai pelajar politeknik berharap dapat meraih ijazah. Pemerintah telah meningkatkan tempat-tempat ke universiti, tetapi ramai yang masih berhasrat mendapat pendidikan universiti," jelasnya malam tadi.

Namun Perdana Menteri memberi amaran bahawa pemerintah tidak boleh "menghasilkan" lebih ramai siswazah tanpa memberi pertimbangan mengenai peluang-peluang pekerjaan.

Beberapa negara, menurut Perdana Menteri, telah membuat kesilapan itu sehingga ramai siswazah menghadapi masalah pengangguran, seperti yang berlaku di Amerika Syarikat, Eropah malah China.

Mengenai UniSIM, Encik Lee berkata UniSIM merupakan institusi swasta yang mengendalikan kursus separuh masa bagi pelajar dewasa.

UniSIM kini bekerja rapat dengan industri – seperti mengendalikan kursus dalam Sistem Aeroangkasa dan berganding bahu dengan syarikat penerbangan bagi membolehkan pelajar mempelajar selok-belok dan aspek praktikal kejuruteraan aeroangkasa.

Mengenai SIT pula, Perdana Menteri berkata universiti itu kini berganding bahu dengan rakan-rakan asing yang menawarkan pendidikan bermutu tinggi.

Antaranya termasuk dengan Institut Teknologi DigiPen (Amerika Syarikat) dalam Rekaan Permainan/Simulasi Interaktif; Technische Universität München (TUM, Jerman) dalam bidang kejuruteraan dan sains; Institut Kulinari Amerika di mana pelajar berpeluang menghasilkan roti pita daripada cef Amerika Syarikat.

Kesemua ijazah kini dianugerahkan oleh rakan-rakan asing mereka.

Dengan perubahan itu, SIT akan meluaskan tempat dan menganugerahkan ijazah di bawah jenama mereka sendiri selain dengan yang ditawarkan dengan rakan-rakan asing mereka.

Source: Berita Harian © Singapore Press Holdings. Reproduced with Permission